

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 12 APRIL 2018

MUKA SURAT: 12

Ipoh

Bomba periksa 900 pusat mengundi

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Perak akan membuat pemeriksaan terhadap kira-kira 900 bangunan di negeri ini yang dijadikan pusat mengundi bagi memastikan premis terbabit selamat diduduki ketika proses Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) dijalankan.

Pengarah JBPM negeri, Datuk Yahya Madis, berkata, setakat ini, pihaknya membuat pemeriksaan 30 peratus atau 300 daripada keseluruhan bangunan yang terbabit menerusi kempen selamat.

“Kami perlu menjalankan pemeriksaan intensif, apa perlu diberi teguran, kami lakukan dan notis dikeluarkan supaya bangunan selamat digunakan.

“Pemeriksaan bagi semua bangunan terbabit dijangka selesai sebelum tarikh pengundian PRU14 iaitu pada 9 Mei nanti,” katanya pada sidang media selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan Bulan April JBPM Perak di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Simpang Pulai di sini, semalam.

Yahya berkata, pihaknya turut mengadakan rondaan dari semasa ke semasa.

“Bagi memastikan proses PRU14 berjalan lancar, kami melaksanakan jadual rondaan terhadap semua balai bomba bagi memastikan lokasi tertentu seperti ibu pejabat atau pos panas parti politik tidak mempunyai unsur berbahaya kepada orang awam,” katanya.